

12 NOV 1996

UMNO KELANTAN BUAT KEPUTUSAN TARIKH PERLETAKAN JAWATAN EMPAT EXCO

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) --Badan Perhubungan Umno Kelantan akan membuat keputusan mengenai tarikh berkuatkuasanya perletakan jawatan empat exconya dalam kerajaan negeri Kelantan tidak lama lagi.

Timbalan Ketua Perhubungannya, Datuk Annuar Musa berkata pengerusi perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mempengerusikan mesyuarat itu sekembalinya dari lawatan luar negeri.

"Tidak ada kesamaran dalam keputusan ini, iaitu parti sudah membuat keputusan yang ke-empat-empat anggota exco ini mesti meletakkan jawatan cuma masanya saja belum diputuskan," katanya pada persidangan berita selepas mengadakan pertemuan dengan anggota lembaga pengarah dan pegawai kanan Felcra di sini hari ini.

"Kita menganggap ini adalah satu keputusan yang penting dan Badan Perhubungan Umno negeri mesti mengambil keputusan secara rasmi dan kita menunggu mesyuarat akan datang untuk menentukan tarikh.

"Ini ialah soal prinsip dan kita tidak akan bertolak ansur dengan keputusan soal prinsip ... cuma soal "timing" saja kita tunggu mesyuarat rasmi untuk membuat keputusan berkuatkuasanya tarikh perletakan ini," katanya.

Mengenai krisis politik yang berlanjutan di Kelantan khususnya antara PAS-Istana, Annuar, yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata Umno berharap masalah ini tidak menjejaskan perkhidmatan Kerajaan Negeri kepada rakyat kerana jika ini berlaku rakyat Kelantan akan terus menderita.

-- BERNAMA

MT AHH